

05/08/2002

Isu keganasan ekonomi ke forum antarabangsa (HL)

Hasnira Hassan

MELAKA, Ahad - Malaysia akan mengetengahkan isu keganasan ekonomi ke forum antarabangsa, terutama Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), bagi mendesak diadakan satu mekanisme yang saksama dalam menawarkan insentif pelaburan supaya tidak wujud keadaan semua pelaburan dibolot negara kaya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata peraturan itu penting kerana pembangunan ekonomi memainkan fungsi utama dalam menentukan keamanan rantau dan dunia pada masa depan.

Beliau berkata, keganasan ekonomi bukan hanya mewujudkan persaingan tidak sihat, malah boleh menghancurkan sesebuah negara.

"Persaingan tidak adil akibat tiada kesaksamaan, secara tidak langsung menyebabkan negara lemah terus terpinggir," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Bengkel Punca dan Penyebab Keganasan serta Peranan Golongan Muda peringkat Asia di sini, hari ini.

Bengkel tiga hari itu yang dianjurkan Yayasan Belia Dunia (WYF) dan Kerajaan Melaka, dihadiri lebih 200 peserta dari 18 negara. Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Isu keganasan ekonomi dibangkitkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 di Langkawi, Khamis lalu.

Perdana Menteri mengaitkan isu itu dengan tindakan sebuah negara kaya menghalang sebuah perbadanan daripada melabur di Malaysia dengan menawarkan insentif AS\$200 juta (RM760 juta) untuk melabur di negara berkenaan.

Dr Mahathir tidak menamakan negara itu, tetapi Australia dan Singapura disyaki antara negara kaya yang dikatakan merebut pelaburan besar yang sepatutnya datang ke Malaysia.

Sumber industri memberitahu Berita Harian, Australia menawarkan pelbagai insentif menarik kepada sebuah syarikat negara itu, Comalco Ltd, menyebabkannya membatalkan cadangan melabur di Malaysia.

Singapura pula dikatakan mengambil pelbagai langkah drastik bagi menarik syarikat perkapalan kedua terbesar Korea Selatan, Hanjin Shipping (Hanjin) terus menjadikan republik itu pangkalan operasi serantaunya.

Syed Hamid yang diminta mengulas perkara itu, juga enggan menamakan negara berkenaan, tetapi berkata pendedahan Dr Mahathir perlu dilihat secara serius.

"Kita tak boleh menggunakan pendekatan untuk memujuk... menarik minat dengan menawarkan pelbagai perkara yang boleh memburukkan peluang negara lain," katanya.

Syed Hamid berkata, negara seperti Myanmar, Vietnam, Kemboja dan Laos telah di pinggir serta diketepikan hak untuk menerima pelaburan kerana wujud suasana tidak seimbang dalam menarik pelaburan langsung asing.

"Dengan tawaran yang keterlaluan berserta insentif yang diberikan oleh sesuatu negara itu, ia akan menafikan keupayaan kita dan negara lain untuk menarik pelaburan," katanya.

Syed Hamid berkata, pasaran bebas tidak bermakna sesebuah negara kaya berhak menafikan hak negara membangun dalam merebut pelaburan langsung asing.

Dalam ucapannya, Syed Hamid berkata, isu keganasan ekonomi dibangkitkan Malaysia kerana negara ini peka terhadap setiap perkembangan yang mengancam negara membangun.

"Kita bangkitkan isu supaya diperbincangkan... soal berjaya atau tidak

terpulang. Pelaksanaan pasaran bebas dan demokrasi tidak semestinya sehingga membunuh peluang negara lain.

"Malah, dalam demokrasi bukan saja kita diberitahu mengenai apa yang perlu dibuat, tetapi kita juga berhak memberitahu apa yang sepatutnya kita lakukan," katanya.

Mengenai isu keganasan, beliau berkata sejak peristiwa serangan penganas pada 11 September lalu, Malaysia bersungguh-sungguh dalam menangani keganasan dan mempunyai mekanisme dalam membendungnya.

Beliau berkata, pendekatan Malaysia dilihat sebagai positif oleh Amerika Syarikat dan Australia yang ingin mengadakan kerjasama serta menandatangani deklarasi keamanan dengan negara ini.